



LAPORAN TAHUNAN 2021

.MY Memacu Digitalisasi Keluarga Malaysia

.mynic

Maklumat Korporat

Nama Syarikat MYNIC Berhad (735031-H)

Diperbadankan 24 Mei 2006

Alamat Tetap Level 3, Tower 2,
Menara Cyber Axis,
Jalan Impact,
63000 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Alamat Pendaftaran Suite C-5-4,
Wisma Goshen Plaza Pantai,
Jalan Pantai Baru
52200 Kuala Lumpur, Malaysia

Setiausaha Syarikat AAJ Management Services Sdn Bhd

Kandungan

Mengenai MYNIC	1
Ahli Lembaga Pengarah	3
Barisan Pengurusan Kanan	4
Perutusan Pengerusi MYNIC	6
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC	7
Menghubung dan Berkhidmat untuk Keluarga Malaysia	9
Membina Komuniti Digital Malaysia Melalui .MY	11
Program Kesedaran dan Latihan Keusahawanan Digital	13
Kejayaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana dalam Ekonomi Digital	15
MYNIC Komited Menambahbaik Platform Dalam Talian bagi Membantu Usahawan Digital	16
Penglibatan dan Pembangunan Sumber Tenaga Pekerja	18
Memacu Globalisasi Melalui COPC	19
Aktiviti Korporat 2021	20
Pencapaian Media Sepanjang Tahun	26
Prestasi Kewangan Keseluruhan	29



Mengenai MYNIC

MYNIC Berhad adalah merupakan pendaftar rasmi domain .MY di Malaysia yang bertauliah dan diiktiraf oleh ICANN (*Internet Corporation for Assigned Names and Numbers*).

Sebagai salah sebuah agensi yang bernaung di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), MYNIC komited dalam memastikan organisasi dan individu di Malaysia sentiasa ke hadapan selari dengan arus perkembangan ekonomi digital malahan, semakin giat dalam mengkomersialkan identiti nama domain .MY ke peringkat antarabangsa.

MYNIC merupakan sebahagian daripada pemboleh upaya ekonomi digital negara yang bertanggungjawab menerajui industri nama domain Malaysia. MYNIC juga merupakan sebahagian daripada komponen infrastruktur informasi kritikal negara. MYNIC akan terus berusaha memperkasakan transformasi digital individu, perniagaan dan organisasi bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam aktiviti ekonomi digital.

MYNIC sentiasa berusaha bagi memperkasakan perniagaan dan industri sebagai sebahagian daripada ekonomi digital melalui pembangunan industri nama domain yang merupakan salah satu infrastruktur ICT di Malaysia.

MYNIC juga akan terus komited untuk membawa nama domain .MY dan memastikan jenama MYNIC terus relevan bukan hanya di Malaysia bahkan di luar negara.

Visi

Visi kami adalah untuk menjadi *Registry* Kod Peringkat Tertinggi Negara (ccTLD) bertaraf dunia dalam mempromosikan .MY dan sebagai pemangkin inisiatif ekonomi digital.

Misi

Dedikasi dan komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan .MY.

Nilai Keutamaan

Nilai keutamaan kami berdasarkan pada asas organisasi berprestasi tinggi:

- Inovasi
- Perkhidmatan mesra pengguna
- Integriti
- Komitmen ke arah kecemerlangan

Perkhidmatan Teras MYNIC

Nama Domain Kategori Terbuka

.my

bagi individu dan semua organisasi di Malaysia

.com.my

organisasi /aktiviti komersil

.biz.my

perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME)

.net.my

organisasi /aktiviti yang berkaitan dengan rangkaian

.org.my

organisasi /aktiviti lain

.name.my

bagi warganegara dan bukan warganegara yang menetap di Malaysia sahaja

Nama Domain Kategori Tertutup

.gov.my

agensi kerajaan Malaysia sahaja

.edu.my

institusi pendidikan Malaysia sahaja

.mil.my

agensi ketenteraan Malaysia sahaja

Nama Domain Antarabangsa (IDN)

- Aksara Jawi (جاوي.my)
- Aksara Cina (天空.my)
- Aksara Tamil (இந்தியா.my)

Perkhidmatan Tambahan

- .MY Domain Name Dispute Resolution Services (MYDRP)
- Sensitive Domain Names Dispute Resolution Policy (SNDRP)

Perkhidmatan untuk Mendaftar

- Pendaftaran dalam talian
- Customer Care & Resellers Support Services

Ahli Lembaga Pengarah



Pengerusi
YBrs. Dr. Mohamed Awang Lah



YBhg. Dato' Sri Haji
Mohammad Mentek



YM Raja Iskandar Shah
Raja Ibrahim Shah



YBrs En. Mahizzan
Mohd Fadzil



YBrs. En. Nik Abdul Aziz
Nik Yaacob

Barisan Pengurusan Kanan



Ketua Pegawai Eksekutif
YBhg. Datuk Ts. Hasnul
Fadhly Hasan



Ketua Pegawai
Pemasaran
YBrs. MD Fariz Ahmad
Sanusi



Ketua Pegawai Operasi
YBrs. Norafizah Abd
Rahman



Ketua Pegawai
Kewangan
YBrs. Mohamad Farizul
Yahaya



Ketua Pegawai Inovasi
YBrs. David Chui Siew
Choong

i)

Perutusan Pengerusi MYNIC



**Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum
Wahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam
Keluarga Malaysia.**

**Sepanjang tahun 2021, pelbagai
cabaran serta dugaan telah
sama-sama kita harungi
dengan jayanya, alhamdulillah.
Perjalanan ini telah mengajar
kita untuk terus berfikir
positif dan bersemangat
untuk meneruskan apa sahaja
rintangan yang mendatang.**

MYNIC tidak terkecuali terpalit dengan situasi ini, namun ianya tidak sesekali mematahkan semangat kami untuk terus ke hadapan. Seajar dengan aspirasi syarikat dalam membawa nama domain .MY ke peringkat antarabangsa, pelbagai inisiatif terutamanya melalui platform digital bersama kerajaan serta pihak berkepentingan lain telah dilaksanakan.

Perkara penting yang dipelajari pada tahun 2021 adalah kesediaan kita membuat penyesuaian apabila berhadapan dengan sesuatu yang tidak diduga. Cabaran-cabaran yang tidak dijangka ini memberi ruang kepada perniagaan, kerajaan serta agensi seperti MYNIC untuk mengubah strategi, mempercepatkan proses transformasi digital dan menjadikan kelestarian sebagai keutamaan.

Justeru, MYNIC mengambil pendekatan dengan memainkan peranan penting ke arah mengadaptasi penggunaan domain .MY secara menyeluruh. Hala tuju MYNIC pada tahun ini lebih memfokuskan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif khususnya bagi menyesuaikan diri dengan transformasi pasaran yang baharu serta penurunan pendapatan daripada segmen tradisional. Semestinya, ini merupakan usaha MYNIC bagi memastikan para usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tidak terus ketinggalan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Sebagai individu pula, kita terpaksa menilai semula keutamaan kita dalam kehidupan dan membuat penyesuaian serta ketersediaan kita untuk melalui kehidupan seharian dalam keadaan norma baharu. Kita perlu sepakat dan memberikan sokongan antara satu sama lain, terutama sekali kepada komuniti-komuniti yang paling terkesan. Bagi MYNIC, kami melihat norma baharu ini sebagai peluang untuk mempercepatkan matlamat merealisasikan Digital Malaysia – dan memperbaiki taraf hidup Keluarga Malaysia.

Dr. Mohamed Awang Lah

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC



Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

Tahun 2021 merupakan satu lagi tahun yang agak mencabar dan penuh dengan harapan untuk seluruh Keluarga Malaysia bangkit kembali bagi merencana pelan yang tertangguh selepas terkesan dengan wabak COVID-19.

Menyusuri kembali ke tahun 2021, kita tidak hanya diduga dengan pandemik COVID-19 yang masih tiada penghujung, bahkan seluruh negara turut dikejutkan dengan bencana yang agak teruk. Bencana alam yang menjadi penutup tirai 2021 turut menyaksikan rakyat bersatu hati serta bangkit untuk saling membantu selari dengan semangat Keluarga Malaysia.

Keluarga MYNIC turut sama berganding bahu menyokong usaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dalam Program Bantu Sampai Selesai dengan membersihkan kediaman mangsa banjir yang terjejas di Kampung Bukit Changgang, Kuala Langat, Selangor.

Namun begitu, keadaan ekonomi Malaysia masih menunjukkan peningkatan dengan disokong oleh infrastruktur kawal selia pasaran modal yang kukuh, ekosistem pasaran yang pelbagai dan tahap permodalan peserta pasaran yang lebih mantap. Lebih penting lagi, MYNIC terus mempergiat inisiatif pembangunan terutamanya dalam meningkatkan agenda kemampanan dan menggalakkan inovasi dalam pendigitalan. Seajar dengan aspirasi MYNIC ke arah mengadaptasi penggunaan domain .MY, pelbagai inisiatif telah diadakan khususnya melahirkan satu ekosistem yang relevan, cekap serta pelbagai dan inklusif untuk merapatkan jurang digital antara masyarakat Malaysia.

MYNIC akan meneruskan usaha untuk memperluaskan inisiatif latihan pendigitalan bagi PMKS, termasuk memudahcara akses dan usaha mendekati usahawan luar bandar supaya mereka

boleh mengadaptasi perniagaan dalam talian di samping mengukuhkan penjenamaan digital.

Saya juga ingin menekankan bahawa MYNIC sentiasa terbuka untuk membantu para usahawan untuk bangun semula melawan cabaran-cabaran perniagaan yang berpunca daripada pandemik COVID-19.

Motivasi MYNIC pada tahun 2021 adalah untuk terus memperkasa perniagaan dan industri tempatan bagi menjadi penyumbang kepada ekonomi digital. MYNIC juga yakin bahawa dengan pembangunan industri ICT yang berkembang pesat dan penggunaan nama domain .MY yang meluas, ia akan dapat membantu mengembangkan jenama produk Keluarga Malaysia serta menyokong inisiatif pendigitalan negara.

MYNIC akan meneruskan aspirasi pendigitalan seiring usaha menuju status negara maju dan peralihan landskap perniagaan global ke arah ekonomi digital.

MYNIC akan terus melaksanakan inisiatif PRIME sebagai keutamaan bagi membantu para usahawan khususnya golongan pedalaman agar mereka juga mendapat manfaat dan menjadi inspirasi suara Keluarga Malaysia untuk kita wariskan sebuah negara lestari kepada generasi akan datang.

Datuk Ts. Hasnul Fadhly Hasan

Menghubung dan Berkhidmat untuk Keluarga Malaysia

Sebagai pendaftar rasmi domain di Malaysia, MYNIC Berhad mencipta sejarah tersendiri sejak 34 tahun yang lalu. MYNIC adalah pendaftar rasmi nama domain .MY di Malaysia sejak 1987.



Sebagai salah sebuah agensi pemacu aspirasi digital negara, MYNIC menawarkan rangkaian menyeluruh perkhidmatan nama domain. Kami akan terus menghubungkan dan berkhidmat demi memberikan pengalaman terbaik kepada pelanggan yang dipertingkatkan melalui penambahbaikan inovasi dan kualiti. Motivasi MYNIC adalah untuk menghubungkan pelanggan dan perniagaan di seluruh negara bagi merealisasikan perniagaan serta merangsang perjalanan transformasi digital.

MYNIC sentiasa berusaha merealisasikan impian ekonomi digital melalui inisiatif-inisiatif yang dirancang untuk membantu Keluarga Malaysia. MYNIC turut mencetuskan idea serta menghasilkan inovasi dalam pelbagai bentuk platform dan program yang dapat merealisasikan aspirasi tersebut terutamanya dalam melahirkan usahawan-usahawan cakna digital.



Selama lebih tiga dekad dalam industri nama domain, MYNIC turut memainkan peranan penting bukan sahaja dari segi meningkatkan keupayaan usahawan tempatan bahkan dalam usaha merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar, selain meningkatkan penglibatan golongan orang kurang upaya (OKU).

Penganjuran Latihan Keusahawanan Digital di bawah inisiatif PRIME untuk para usahawan yang terjejas akibat pandemik berjaya dilaksanakan sekaligus mencapai objektif utama ke arah menggalakkan peralihan perniagaan luar talian ke dalam talian. Platform ini diwujudkan untuk menggalakkan sektor ekonomi selain para usahawan terlatih dapat merasai kewujudan ekosistem baru dalam transformasi digital.

Kesalinghubungan yang diwujudkan oleh MYNIC ini antara teras produktiviti kepada para usahawan luar bandar khususnya untuk melangkah ke arah pendigitalan global. MYNIC turut menyokong usaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bagi memastikan tiada komuniti yang ketinggalan dalam pendigitalan.

Oleh itu MYNIC akan terus mendepani cabaran dengan memberikan tumpuan dalam usaha mempertingkatkan kesinambungan digital seterusnya memperhebat ekonomi digital serta memberi nilai tambah manfaat kepada Keluarga Malaysia.

MYNIC juga akan kekal komited untuk terus meluaskan rangkaian yang lebih komprehensif bagi menjangkawi perkhidmatan dengan gaya hidup dan masyarakat digital, perniagaan digital dan Kerajaan digital demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.



Membina Komuniti Digital Malaysia Melalui .MY

Peranan MYNIC sebagai pemacu digital pada tahun 2021 menjadi semakin penting susulan usaha Kerajaan untuk membendung penularan wabak COVID-19 dan menyokong Pelan Pemulihan Negara. MYNIC giat merancang pelbagai program dan inisiatif yang berteraskan ekonomi digital dengan memberi fokus kepada usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) agar mereka terus kompetitif dan kekal relevan dalam persekitaran perniagaan norma baharu.

Ekoran daripada peningkatan adaptasi digital ekonomi yang tinggi dan meluas ketika pandemik, ia memberi peluang kepada MYNIC yang merupakan salah satu komponen utama dalam memacu ekonomi digital negara untuk merencanakan lagi perniagaan usahawan PMKS secara dalam talian.

MYNIC berusaha memastikan nama domain .MY menjadi pilihan pengguna di Malaysia. Bagi mendukung hasrat ini, MYNIC telah memperkenalkan PRIME, iaitu kaedah dan penyelesaian bagi memudahkan PMKS untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu ini.

Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME)

Dalam menyokong usaha kerajaan merealisasikan Pelan Pemulihan Negara (PPN), Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME) diperkenalkan oleh MYNIC Berhad pada penghujung tahun 2020 bagi memacu transformasi digital khususnya di dalam kalangan usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). PRIME merupakan inisiatif yang dibangunkan oleh MYNIC untuk meningkatkan daya saing para usahawan kecil seiring era ekonomi digital dengan kerjasama rakan strategik yang terdiri daripada sektor kerajaan, swasta, universiti dan NGOs. Sehingga kini, MYNIC telah berkolaborasi dengan lebih 50 rakan strategik.

PRIME mempunyai tiga teras utama dalam memastikan keberkesanan inisiatif ini kepada usahawan.

Teras PRIME 2: Platform Digital

Menyediakan platform digital termasuk inisiatif sokongan untuk dimanfaatkan oleh usahawan.

GO2 Brand

GO2 Brand menawarkan kemudahan komunikasi secara digital melalui teknologi pemetaan nama domain yang menggabungkan penggunaan media sosial dan e-market place di bawah satu nama domain.

Website Builder e-dagang

Laman web ini dilengkapi fungsi penuh e-dagang dengan lebih 100 pilihan templat laman web mengikut kesesuaian jenis perniagaan.

Secure Resolver

DNS Secure Resolver telah dibangunkan untuk mengesan serangan siber melalui penguatkuasaan polisi masa sebenar (*real time policy*) yang melindungi pengguna Internet daripada mengakses laman web yang telah dijangkiti *malware* termasuk serangan seperti *phishing*.

Teras PRIME 1: Penjenamaan Digital

Transformasi awal perniagaan daripada *offline* ke *online* menggunakan nama domain .MY.

BIZ.MY

Nama domain BIZ.MY diwujudkan khususnya sebagai langkah awal bagi membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Malaysia. Menerusi PRIME, MYNIC menawarkan 20,000 domain BIZ.MY secara percuma kepada golongan usahawan MSME agar mereka mampu mencipta identiti Malaysia dalam perniagaan mereka yang unik secara dalam talian sekaligus membantu mengembangkan perniagaan mereka di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Teras PRIME 3: Pembangunan Modal Insan

Meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pendigitalan dengan teknik pemasaran digital terkini serta melatih dan melengkapkan usahawan untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan digital.

Program Kesedaran dan Latihan Keusahawanan Digital

Dalam usaha membantu komuniti meningkatkan taraf ekonomi dalam norma baharu MYNIC telah berjaya melatih dan memberi kesedaran kepada lebih 26,000 usahawan di dalam program kesedaran dan latihan keusahawanan digital yang berterusan sepanjang tahun 2021.

MYNIC menawarkan pelbagai program dan inisiatif yang berteraskan ekonomi digital untuk para usahawan agar terus kompetitif dan relevan kepada persekitaran perniagaan moden. Program latihan seumpama ini secara tidak langsung dapat membantu golongan usahawan di Malaysia dengan menyediakan peluang melalui Program Pengupayaan Digital.

Program Latihan Pengupayaan Digital bertujuan bagi menggalakkan penyertaan usahawan PMKS membawa perniagaan mereka ke dalam talian melalui laman sesawang dan juga platform media sosial. Melalui program latihan ini, ia turut memberikan kesedaran dan kefahaman kepada komuniti usahawan termasuk golongan OKU.

Di samping itu, sesi kesedaran dan kefahaman kepada komuniti usahawan turut diadakan dengan memberi tumpuan kepada kurikulum pembangunan laman web, pengiklanan menggunakan Facebook, Google Ads dan juga Google My Business.

Dengan adanya latihan tersebut, ia dapat memperkasa dan mengembangkan perniagaan dalam talian, mengembangkan potensi pelanggan baharu tempatan dan luar negara dan akhirnya meningkatkan pendapatan perniagaan mereka.

Bagi tahun 2021, program latihan giat dijalankan secara dalam talian dan berjaya melatih 1,309 usahawan di seluruh Malaysia dengan kerjasama institusi antaranya TEKUN Nasional, Sarawak Digital Economy Corporation

(SDEC), Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS) serta Parlimen Indera Mahkota.

Selain itu, MYNIC turut meluaskan kerjasama dengan pelbagai rakan strategik lain termasuk Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Amanah Ikhtiar Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Turut terlibat menjayakan program tersebut adalah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), SME Corp, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd. (PUJB), Pahang Go Sdn Bhd, Perbadanan Ekonomi Digital Sarawak, Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan Universiti Teknologi Malaysia (UTMSPACE) bagi memaksimumkan capaian kepada usahawan.

MYNIC merupakan agensi yang bertindak sebagai pembolehupaya kepada ekonomi digital negara, menyokong usaha kerajaan dalam merealisasikan Pelan Pemulihan Negara (PPN). Pelan berfasa ini dilihat dapat memberi satu keyakinan kepada rakyat Malaysia bahawa kerajaan amat komited untuk membina semula ekonomi yang makin meruncing akibat pandemik COVID-19.

Seterusnya misi MYNIC adalah untuk lebih giat dalam memperluaskan program latihan ke arah mewujudkan komuniti latihan dalam talian yang diiktiraf di peringkat nasional.



Antara usahawan yang difokuskan pada tahun 2021



Norshazana Ab Kadir
rushbabyfood.my

Latar Belakang

Idea memasarkan makanan bayi tercetus apabila Pn Nurshazana Ab Kadir mendapati kesukaran ibu-ibu bekerja menyediakan makanan seimbang untuk bayi mereka. Beliau pada mulanya berniaga secara kecil-kecilan di rumah kemudiannya mengubah corak pemasaran melalui WhatsApp. Seterusnya, menyedari kepentingan laman web dalam sebuah perniagaan beliau mewujudkan rushbabyfood.my yang mana jualan dilakukan 100% melalui laman web tersebut.

Kejayaan selepas program usahawan MYNIC

Produk beliau mula menerima tempahan dari pelbagai tempat seluruh Malaysia. Kini beliau mempunyai setor simpanan produk dan produk beliau mula dipasarkan di pelbagai cawangan pasar raya besar antaranya Lotus's.



Francis Maluda
sabahitvnetwork.my

Latar Belakang

Pengalaman dalam industri kreatif selama 35 tahun menjadikan En Francis Maluda lebih terbuka dan yakin bahawa laman web mampu menjana pendapatan yang lebih lumayan terutamanya di kala pandemik COVID-19. Beliau mula mengubah fikiran untuk bertukar corak perniagaannya kepada digital apabila menemui iklan di laman Facebook MYNIC Berhad mengenai pembangunan laman e-dagang dengan tajaan MYNIC-FINAS.

Kejayaan selepas program usahawan MYNIC

Beliau kini terus melebarkan kreativitinya apabila "content" yang dihasilkan mendapat permintaan produksi antaranya KiniTV selain Sabah Tourism Board bagi tujuan promosi perlancongan negeri Sabah.

Tahukah anda?

Jumlah nama domain .MY yang didaftarkan sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak 320,710

153,975	.MY
148,843	.COM.MY
5,456	.BIZ.MY
2,791	.NET.MY
4,103	.ORG.MY
1,169	.GOV.MY
3,840	.EDU.MY
12	.MIL.MY
521	.NAME.MY

Kejayaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana dalam Ekonomi Digital

Ketika seluruh dunia dilanda pandemik COVID-19, kebanyakan usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) berhadapan dengan risiko kekurangan sumber pendapatan. Dengan interaksi bersemuka yang amat terhad dan peralihan gaya hidup daripada luar talian kepada dalam talian, para usahawan ini terpaksa melihat semula model perniagaan mereka agar seiring dengan kehendak dan peralihan ke arah pendigitalan.

Sejak 2015, pasaran e-dagang di Malaysia dilaporkan meningkat sebanyak tiga kali ganda. Dengan hadirnya platform e-dagang, para usahawan dan perniagaan bukan sahaja boleh memanfaatkan infrastruktur yang telah disediakan malahan ia juga memanfaatkan kumpulan khalayak yang sedia ada di platform ini. Melalui platform e-dagang, para usahawan dapat menjana pendapatan tambahan dan memperoleh maklum balas secara langsung serta kesan jenama yang positif berdasarkan ulasan pelanggan.

Pada masa kini, ramai usahawan menggunakan media sosial untuk memperkenalkan dan menjual jenama produk mereka seterusnya berinteraksi dengan pelanggan secara langsung. Selain daripada itu, pengiklanan digital melalui media sosial mampu menarik perhatian pelanggan dan sekaligus menjangkau sejumlah besar pelanggan dengan mudah sekiranya ia dimanfaatkan sepenuhnya.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan platform e-dagang dan media sosial sahaja belum cukup untuk menarik para pelanggan. Pada masa kini, sebelum membuat pembelian dalam talian, kebiasaannya para pelanggan akan mencari maklumat tentang sesebuah perniagaan melalui Google, Safari atau enjin carian yang lain.

Laman sesawang yang mendaftar menggunakan nama domain .MY membantu menarik minat mereka kerana penggunaan nama domain .MY menunjukkan bahawa perniagaan tersebut berasal dari Malaysia dan boleh dipercayai.



MYNIC Komited Menambahbaik Platform Dalam Talian bagi Membantu Usahawan Digital

Sepanjang tahun 2021 Jabatan Operasi Teknikal terlibat secara langsung dengan inisiatif ekosistem Sistem Nama Domain Internet (DNS) di Malaysia. Kejayaan MYNIC yang berjaya membangunkan DNS Secure Resolver di mana melindungi pengguna Internet daripada mengakses laman web yang telah dijangkiti malware, phishing, botnet dan sebagainya untuk mengelakkan pengguna daripada mengakses laman web yang telah dijangkiti.

Jabatan Operasi Teknikal juga bertanggungjawab membuat perkongsian pengetahuan dan program kesedaran kepada semua sektor dan agensi kerajaan di Malaysia untuk nama domain dan perkara yang berkaitan DNS, selain menjadi pusat rujukan yang berkaitan. Selain itu, jabatan ini turut mengambil bahagian dalam pengawasan SIRIM ISMS, BCMS, QMS dan audit ABMS menunjukkan keazaman jabatan untuk memastikan pematuhan sentiasa terjaga.

Jabatan Operasi Teknikal di MYNIC terdiri daripada Perkhidmatan Teknologi Maklumat (ITS) dan Pemantauan dalam Bahagian Inovasi. Dua unit ini sentiasa menyelia dan memantau elemen teknikal teknologi maklumat dalam memastikan semua infrastruktur dan perkhidmatan berfungsi dengan sempurna. Jabatan ini turut bertanggungjawab untuk mendirikan, menyelenggara, mengurus dan memantau pelayan teras DNS, pendaftaran dan komponen pendaftaran, mentadbir infrastruktur sistem serta perancangan. Jabatan ini memainkan peranan penting dalam memastikan prestasi yang luar biasa kepada semua perkhidmatan MYNIC.

Antara pencapaian unit Perkhidmatan Teknologi Maklumat (ITS) sepanjang tahun 2021

Mencapai 30 minit Pemulihan Bencana dan Peralihan antara dua Pusat Data untuk Pengurusan Kesenambungan Perniagaan yang penting bagi sistem teras, infrastruktur dan perkhidmatan.

Berjaya membentuk sistem automasi dan disepadukan dengan pelbagai proses utama untuk meningkatkan produktiviti semasa aktiviti Pemulihan Bencana dan Peralihan.

Berjaya mereka bentuk semula infrastruktur sistem MYNIC sebagai sebahagian daripada pengukuhan keselamatan.

Menyertai Asia Pacific Domain Name System (DNS) Forum 2021-2022 untuk mewujudkan peluang serta kerjasama dan perkongsian pengetahuan antara komuniti DNS di Rantau Asia Pasifik.

Menguruskan operasi harian dan keupayaan untuk mengendalikan perkara yang mencabar bagi kedua-dua perusahaan dan perkhidmatan teras dengan berkesan.

Memastikan pemenuhan tepat pada masa untuk menyokong program latihan pengupayaan ekonomi digital.

Selain itu di Unit Inovasi Produk juga bertanggungjawab untuk membina dan menyokong produk baharu untuk perniagaan MYNIC. Produk tersebut ialah Domain, Pemetaan Domain (GO2 Brand), Perkhidmatan Nilai Tambah seperti Perkhidmatan hosting dan platform aplikasi

dalam talian untuk pelanggan, wakil jualan dan kakitangan MYNIC melakukan operasi harian. Unit Inovasi Produk mengguna pakai pembangunan SCRUM tangkas, di mana pasukan akan terus menginovasi perkhidmatan untuk bertindak balas terhadap keperluan dan permintaan perniagaan.

Antara pencapaian unit Inovasi Produk sepanjang tahun 2021

Projek Migrasi

Projek ini merupakan pemindahan sistem pengurusan domain daripada sistem *legacy* kepada sistem domain Registry-Registry. Projek Migrasi melibatkan kesediaan sistem Registry-Registry domain yang merupakan teras perniagaan MYNIC, membina dan meningkatkan platform aplikasi dalam talian dan menyepadukan dengan sistem Registry-Registry domain baharu.

- Sistem Pendaftaran-Pendaftar Menjalankan prestasi, integriti data dan ujian keselamatan sistem.
- SELFCARE Membina, meningkatkan untuk ciri baharu untuk pelanggan mengurus sendiri perkhidmatan MYNIC yang telah mereka langgani.
- WHOIS Memberikan pengalaman mesra pelanggan untuk mencari dan melihat maklumat nama domain yang ingin di gunakan sama ada masih boleh ditempah atau tidak.
- API Wakil Jualan Membina dan meningkatkan API untuk Wakil Jualan menyepadukan sistem domain MYNIC dengan mereka supaya pelanggan akan menerima kualiti perkhidmatan yang sama.

Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME)

Menambahbaik domain dan perkhidmatan untuk memberi pengalaman terbaik kepada pelanggan dan usahawan untuk mendaftar di domain .MY.

Nama Domain Premium (PDN)

Menyediakan sistem yang membolehkan pemenang PDN membuat pembayaran dengan lebih sistematik.

Sokongan Aplikasi dan Integrasi Sistem

Menyediakan sokongan dan pemantauan aplikasi secara berkala untuk memastikan semua perkhidmatan MYNIC dan platform dalam talian tersedia untuk pelanggan dan wakil jualan untuk menguruskan perniagaan mereka.

Penglibatan and Pembangunan Sumber Tenaga Pekerja

Jabatan Sumber Manusia dan Budaya di MYNIC tidak hanya bertanggungjawab untuk menguruskan program latihan untuk semua staf MYNIC Berhad malah jabatan ini juga menyusun aktiviti Pembelajaran & Pembangunan (P&P) yang terbaik bagi memenuhi keperluan setiap pekerja.

Di bawah Inisiatif Budaya Kerja Berprestasi Tinggi, jabatan ini turut bekerjasama dengan setiap ketua-ketua di jabatan yang lain untuk sama-sama membantu menyediakan program latihan kepada setiap ahlinya. Antara program latihan yang telah berjaya disertai oleh 16 orang staf ialah FY2021 di mana staf kesemuanya telah berjaya menerima sijil sebagai Jurulatih Profesional Bertauliah.

Program latihan yang dijalankan bersifat holistik di mana setiap latihan yang dijalankan melibatkan semua aspek. Budaya kerja berkualiti lahir daripada pekerja yang bukan sahaja bagus

melakukan tugas, tetapi sahsiah yang mampan serta kemampuan berfikir secara kreatif turut menyumbang kepada lahirnya kebolehpasaran di luar sana.

Jabatan ini lebih berorientasikan kepada hubungan majikan dengan pekerja. Hubungan majikan – pekerja ini lebih terarah untuk mengukur sejauh mana tahap kepuasan bekerja, serta penglibatan seseorang pekerja untuk menyelesaikan konflik di tempat bekerja. Program ini dijadualkan berlangsung pada tahun 2020, tetapi dijalankan pada tahun 2021 disebabkan oleh kekangan COVID-19 yang melanda negara. Antara program latihan yang dijalankan ialah seperti Dialog Awam (Town Hall) pada setiap tiga bulan, Karnival Sukan MYNIC, Coffee with CEO dan banyak lagi.



Memacu Globalisasi Melalui COPC



Peranan MYNIC Berhad sebagai pemboleh upaya ekonomi digital negara pada tahun 2021 menjadi semakin penting. Sebagai agensi kerajaan pertama yang diiktiraf melalui Pensijilan Pusat Khidmat Pelanggan (COPC), pusat khidmat pelanggan MYNIC semakin berkembang dengan menunjukkan peningkatan prestasi yang ketara dan terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2021.

Bagi mendukung hasrat ini, MYNIC lebih fokus kepada pembangunan dan pelaksanaan pelan, proses selain kaedah dan penyelesaian dalam meningkatkan kecekapan sistem penyampaian khidmat pelanggan .MY. Selain itu, pensijilan ini juga membolehkan MYNIC mengenalpasti dan memperbaiki operasi MYNIC bagi meningkatkan pengalaman pelanggan khususnya dalam menyesuaikan diri dengan norma baharu ini.

- Skor metrik prestasi COPC dalam Audit Pensijilan Semula menunjukkan peningkatan daripada 54% pada tahun 2020 kepada 91% pada tahun 2021 dengan 11 daripada 14 item memenuhi Kriteria Peningkatan Prestasi COPC R6.2 (COPC Performance Improvement Criteria version 6.2)
- "Melalui tinjauan kepuasan pelanggan, majoriti pelanggan mengakui bahawa kualiti perkhidmatan MYNIC secara konsisten memenuhi keperluan dan jangkaan mereka. Bagi tahun 2021, Tahap Kepuasan Pelanggan adalah 85% atau lebih tinggi sepanjang tempoh 11 bulan.
- Masa maklumbalas yang pantas ialah salah satu sifat terpenting bagi perkhidmatan pelanggan yang baik. Mengikut analisis pelanggan MYNIC, MYNIC telah membalas purata 99% e-mel dalam masa 1 jam.
- Proses pendaftaran nama domain baharu .MY telah meningkat dengan ketara daripada 1 jam kepada 30 minit. Menjelang penghujung tahun 2021, 90% daripada pendaftaran nama domain diproses dalam tempoh 30 minit selepas MYNIC menerima dokumen lengkap. Penambahbaikan di dalam proses pendaftaran ini membantu meningkatkan pemilikan identiti digital dalam memacu pertumbuhan perniagaan atas talian.

MYNIC akan terus menambahbaik perkhidmatan khidmat pelanggan secara menyeluruh dan berterusan bagi meningkatkan kualiti rangkaian dan khidmat pelanggan yang terbaik.

Persijilan semula COPC MYNIC 2021

91% skor keseluruhan	85% kepuasan pelanggan
99% emel dibalas dalam masa 1 jam	90% domain didaftar dalam masa 30 minit

Aktiviti Korporat 2021



Penyerahan Tablet kepada Pelajar Sekolah dalam Kawasan Parlimen Indera Mahkota (Fasa 2)

Majlis Penyerahan Sumbangan Tablet (fasa 2) Kepada Pelajar Sekolah dalam kawasan Parlimen Indera Mahkota oleh YB Menteri, Dato' Saifuddin Abdullah diiringi oleh Datuk Ts. Hasnul Fadhy Hasan, CEO MYNIC di Indera Mahkota, Pahang.

Inisiatif CSR ini merupakan salah satu usaha MYNIC merapatkan jurang digital sekaligus menyokong usaha kerajaan ke arah menerapkan penglibatan digital kepada rakyat Malaysia.

MYNIC berharap dengan pemberian tablet ini, para pelajar dapat menggunakan kemudahan ini dengan sebaiknya.



Mac Penyerahan Tablet kepada Pelajar Sekolah dalam Kawasan Parlimen Indera Mahkota

Penyerahan Tablet kepada pelajar sekolah dalam kawasan Parlimen Indera Mahkota oleh mantan YB Menteri Komunikasi dan Media Malaysia, Dato' Saifuddin bin Abdullah hasil kerjasama MYNIC dan Huawei.





Penyerahan Sumbangan Tablet daripada MYNIC kepada Rakan Strategik, Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKNM)

Penyerahan Sumbangan Tablet daripada MYNIC kepada rakan strategik, Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKNM) yang diterima oleh YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun selaku Pengerusi YKNM.

Ini merupakan usaha MYNIC untuk terus melaksanakan dan menjayakan program *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang holistik dan sekaligus dapat membantu pembentukan pembangunan modal insan demi kesejahteraan komuniti.

April Lawatan Kerja Timbalan Ketua Setiausaha (Infrastruktur, Telekomunikasi dan Ekonomi Digital) ke MYNIC Berhad

YBrs. Encik MA Sivanesan Marimuthu bersama beberapa delegasi Pengurusan Tertinggi KKMM mengadakan lawatan kerja ke MYNIC Berhad.

Pelbagai inisiatif dan program telah dibentangkan khususnya dalam membantu para usahawan dalam meningkatkan daya saing dan kesedaran tentang pentingnya pendigitalan perniagaan melalui penggunaan nama domain .MY.



Program Latihan Offline ke Online bagi sektor Pendidikan

Sebanyak 42 buah sekolah sekitar Indera Mahkota, Pahang di bawah seliaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terpilih untuk menyertai Program Latihan *Offline* ke *Online*. Guru-guru terlibat telah diberikan latihan pembangunan dan pengendalian laman web sekolah dengan menggunakan nama domain MYNIC iaitu .edu.my.

Objektif program ini diadakan untuk menggalakkan adaptasi teknologi digital dan mengupayakan kehadiran dalam talian bagi sektor pendidikan di Malaysia. Inisiatif ini selari dengan teras Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME) untuk kesediaan platform-platform digital anjuran MYNIC.

Julai Pelancaran Bengkel Usahawan Pahang: Program Pengupayaan Digital

Program Pengupayaan Digital ini telah berlangsung secara dalam talian di mana seramai 50 orang tetamu termasuk usahawan PKS dan rakan media telah hadir memeriahkan majlis. Bengkel ini telah dirasmikan oleh mantan Menteri KKMM, YB Dato' Saifuddin Abdullah.

MYNIC giat merancang pelbagai program dan inisiatif yang berteraskan ekonomi digital dengan memberi fokus kepada usahawan PKS supaya mereka terus kompetitif dan kekal relevan kepada persekitaran perniagaan norma baharu.





Sesi Libat Urus CEO MYNIC bersama Usahawan Indera Mahkota

Sesi libat urus bersama Datuk Ts. Hasnul Fadhy Hasan telah dijalankan secara dalam talian dengan penglibatan usahawan yang terlibat dalam latihan pendigitalan perniagaan. Usahawan yang terlibat dalam sesi ini telah memberikan maklum balas dan berkongsi pendapat mengenai program dan modul latihan yang telah dijalankan bagi proses penambahbaikan pada masa akan datang.

Ogos

Program Pendigitalan Ekonomi Anak Seni Malaysia

Program ini merupakan sebuah inisiatif hasil kolaborasi di antara MYNIC dan FINAS bagi memperkasa dan melengkapkan anak seni ke arah keusahawanan digital seterusnya memberi impak kepada pembangunan ekonomi digital negara.

Laman Sesawang PKRC MAEPS 2.0

Pembangunan laman sesawang ini bertujuan untuk menyalurkan informasi terkini setempat yang tepat dan sahih mengenai pengoperasian PKRC Bersepadu MAEPS 2.0 kepada umum. Laman sesawang sumbangan dan ditaja sepenuhnya oleh MYNIC Berhad.



September MYNIC Menyertai MIHAS 2021

MYNIC mengambil inisiatif dengan menyertai *Malaysia Halal International Showcase* (MIHAS) yang berlangsung secara dalam talian bermula 9 sehingga 12 September 2021. Melalui penglibatan ini, MYNIC telah membuka 'virtual booth' dalam mempromosikan produk dan servis kepada para pengunjung terutamanya kepada golongan MSME. Selain itu, Datuk Ts. Hasnul Fadhy Hasan turut terlibat dalam sesi perkongsian pada program tersebut.



Lawatan Kerja Rasmi Menteri ke MYNIC Berhad


MYNIC Berhad telah menerima lawatan kerja rasmi YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bersama wakil Pengurusan Tertinggi KKMM pada 9 September 2021.

Kedatangan YB Menteri disambut oleh Pengerusi MYNIC, YBhg. Dr. Mohamed Awang Lah, YBhg. Datuk Ts. Hasnul Fadhy Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC, Lembaga Pengarah serta Pengurusan Tertinggi MYNIC.

Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) di antara UTMSPACE & MYNIC Berhad

Pengupayaan digital terus menjadi tunjang utama inisiatif PRIME yang sejajar dengan agenda pendigitalan negara. Sehubungan itu, satu Majlis Menandatangani Perjanjian (MOA) diadakan bagi memperkenalkan kursus pensijilan keusahawanan digital yang juga telah mendapat akreditasi London Examination Board (LEB), UK.

Majlis yang telah diadakan secara maya disempurnakan oleh Datuk Ts. Hasnul Fadhy Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC Berhad dan Prof. Dr. Azlan Ab. Rahman, Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE.



Oktober

Webinar Cerita .MY Saya

Siri webinar mingguan ini adalah bertujuan untuk memaparkan kisah kejayaan dan perjalanan perniagaan para usahawan yang telah di bimbing oleh MYNIC. Para peserta berkongsi pengalaman dan bagaimana pendigitalan perniagaan banyak membantu mereka dalam meningkatkan pendapatan sekaligus memudahkan urusan perniagaan mereka.



November & Disember

Webinar Kesedaran Keusahawan Digital & Latihan Pembangunan Laman Web sempena HPPNK 2021

Sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2021, MYNIC Berhad telah diberi peranan untuk menganjurkan Webinar dan Program Latihan Pembangunan Laman Web dengan kerjasama Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan juga beberapa agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Melalui program ini, seramai 1,000 orang usahawan dalam bidang industri pertanian dan makanan telah diberi kesedaran mengenai transformasi awal perniagaan dari *offline* ke *online* menggunakan nama domain .MY bermula pada 20 hingga 22 November 2021.

Ini diikuti dengan Latihan Pembangunan Laman Web yang berlangsung pada 14 hingga 16 Disember 2021 bertempat di MCMC Academy, Cyberjaya.



Disember

Karnival Aspirasi Keluarga Malaysia

Selaras dengan aspirasi dan usaha KKMM agar tiada golongan yang ketinggalan dalam ekonomi digital, MYNIC turut menyokong inisiatif tersebut dengan menyediakan latihan keusahawanan digital kepada semua termasuk golongan OKU.

MYNIC turut serta dalam karnival Aspirasi Keluarga Malaysia dengan mengetengahkan usahawan OKU yang berjaya dalam program latihan keusahawanan MYNIC untuk berkongsi kejayaan mereka kepada pengunjung.

Pencapaian Media Sepanjang Tahun

MYNIC joins MIHAS to help boost halal industry's digitalisation efforts

KUALA LUMPUR: MYNIC, the official .my domain registry under the Communications and Multimedia Ministry, will continue to work with the Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) to better connect Malaysia's halal industry players to the available digital technologies and strategies in a bid to tap the global halal potential.

are relevant to the halal market, as well as deep-dived into the future of the halal industry which aims to further expand and position Malaysia as the key market at the global stage.

"Ingredients such as .my can elevate the business through unique brand identities that will accelerate our nation's journey to be a strong contributor to the global digital economy.

"We will focus on technology deployment and enhancement through .my, with the aim of expanding the competitiveness of local businesses and accelerating Malaysia's transformation to a high-income economy," he said.

In November last year, MYNIC launched PRIME (Program Realisasi Impian Ekonomi Digital), to encourage Malaysian entrepreneurs to create online presence and set up their own e-commerce platform in order to grow their business. — Bernama

Borneo Post KK
11 September 2021

Guang Ming Daily 24 Julai 2021

'MAEPS lancar laman web rasmi untuk soal jawab & bendung informasi palsu'



Annuar mahu KKMM jadi suara kerajaan, rasa nadi rakyat

KUALALUMPUR: Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa memberi jaminan bahawa kementerian akan menjadi suara kerajaan dan merasa denyutan nadi rakyat di negara ini.

Bagi tujuan itu, katanya beliau akan merubah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) menjadi sebuah kementerian yang bukan sahaja membawa informasi yang tepat dan jitu kepada rakyat tetapi juga kementerian yang responsif dan proaktif kepada keperluan rakyat.

Katanya dengan semua saluran informasi dan multimedia yang ada hari ini,

tidak akan ada sesiapa yang tertinggal dan ditinggalkan.

"KKMM bukan sahaja akan menjadi suara kerajaan tetapi merasakan nadi setiap rakyat, selaras dengan konsep Keluarga Malaysia yang akan menghubungkan Patutnya kepada rakyat di setiap pelosok negara, meskipun di kampung yang paling terpencil.

"Saya juga mahu KKMM menjadi kementerian yang proaktif bersama rakyat dan memastikan setiap rakyat tidak kira di mana juga mereka berada mempunyai akses dan ketersediaan yang berkualiti," katanya dalam kenyataan awal.

Annuar berkata sejak men-

gangkat tempuh menerajui KKMM pada 30 Ogos lepas, beliau terus mengambil pendekatan mengenali peranan setiap jabatan dan agensi di bawah kementerian itu, selaras dengan objektifnya untuk mengangkat KKMM ke persada baharu dan dinamik, seiring dengan masa dan keperluan rakyat.

Ini termasuk melawat dan mendengar taklimat daripada Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen), Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) serta agensi lain. Pertubuhan Berita Nasional

Malaysia (Bernama), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Suruhanjaya Komenidiasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), MYNIC, Cybersecurity Malaysia dan My-Creative Ventures.

"Selama dua minggu lalu, setiap hari saya telah melawat, berjumpa, mendengar taklimat dan mengadakan sesi libat urus dengan pengurusan tertinggi dan kakitangan semua jabatan dan agensi di bawah KKMM, dari unit yang paling kecil sehinggalah yang paling besar seperti RTM dan JaPen," katanya. — Bernama

Platform digital bantu PKMS jana pendapatan tinggi

KUALA LUMPUR - Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) perlu didedahkan dengan aspek keusahawanan digital bagi membolehkan mereka mengembangkan perniagaan ke pasaran lebih luas, sekali gus menjana pendapatan lebih tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC, Datuk Hasnul Fadhy Hasan berkata, ini berikutan pendedahan digital terbukti berkesan apabila lebih ramai usahawan luar bandar mula menggunakan platform dalam talian dalam memasarkan produk masing-masing.

Menurutnya, sebagai contoh, seorang penjual loyang yang sebelum ini menjual produknya di sekitar Jasin, Melaka dengan pendapatan RM500 sebulan, kini berjaya meluaskan pasaran secara dalam talian ke Brunei, Australia dan juga Arab Saudi.

"Dalam masa tiga bulan, penjual itu berjaya menjana

pendapatan lebih RM50,000 melalui platform dalam talian itu," katanya.

Perkara itu dikongsi selepas majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara UTMSpace dan MYNIC Bhd secara maya pada Khamis.

Hasnul berkata, pihaknya juga telah bekerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi, antaranya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Malaysia Digital Economy Cooperation (MDEC), sejak 2019 untuk menganjurkan webinar dan sesi latihan kepada PMKS.

Menurutnya, seramai 14,000 peserta daripada pelbagai latar belakang perniagaan mendapat manfaat melalui program pada tahun ini.

"Digital adalah elemen penting dan semua negara beralih ke arah keusahawanan digital dan Malaysia tidak mahu ketinggalan. — Bernama

PERANTIS cari 100 peserta program e-dagang

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan MYNIC Berhad melancarkan program Pendidikan Ekonomi Anak Seni Malaysia (PERANTIS) yang menyasarkan 100 penggiat industri kreatif digital melalui penggunaan domain '.my'.

Melalui program itu, setiap peserta diberi bimbingan dan pematanaan prestasi selama tiga bulan termasuk dalam penyediaan laman web e-dagang.

Kenyataan FINAS menyebut, PERANTIS bertujuan mengoptimalkan kesupayaan adaptasi digital serta kemahiran teknologi maklumat dalam kalangan penggiat industri kreatif tempatan ke arah memperkasakan ekonomi digital dalam sektor industri kreatif negara.

Program ini mampu meningkatkan kemahiran perniagaan digital bagi memasarkan produk termasuk kandungan kreatif ke pasaran yang lebih meluas dan

bertaya saing secara dalam talian, ketika berdepan cabaran pandemik COVID-19.

Selain itu, usaha ini juga membolehkan cabang pendapatan penggiat industri kreatif tempatan terutama melalui aspek ekonomi digital selaras hasrat kerajaan mewujudkan komuniti masyarakat yang bersedia ke arah Revolusi Perindustrian 4.0.

Majlis pelancaran PERANTIS disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif FINAS, Ahmad Idham

Ahmad Nadzir dan Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC, Datuk Hasnul Fadhy Hasan, secara virtual, baru-baru ini.

FINAS dan MYNIC, masing-masing agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), melaksanakan kerjasama strategik melalui PERANTIS yang dilaksanakan melalui bengkel latihan bersasar oleh MYNIC dan FINAS di bawah peruntukan Pembangunan Modal Insan Rancangan

Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Kenyataan itu menyebut, FINAS dan MYNIC akan memulakan perkembangan dari masa ke semasa melalui medium hebah media dan laman sesawang FINAS di www.finas.gov.my serta MYNIC di www.mynic.my.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh berhubung terus dengan Bahagian Pembangunan Industri FINAS menerusi talian 03-41041300 atau emel di info@finas.gov.my.

Tingkat jaringan komunikasi, perluas potensi usahawan desa

Menjalani kehidupan di kampung dengan mengambil peranan tempatan daripada pelanggan pada malam hari, kehidupan Roslina Osman, berubah secara ketara tahun lalu.

Daripada seorang pembantu tadris, Roslina terpaksa meninggalkan kerjayanya demi meniaga dan anak suaminya yang masih kecil. Kini beliau tulang belakang perniagaan keluarganya di pedalaman Jasin di Melaka, Azizahar Loyang, syarikat pembuatan kraf yang berskala kecil yang mula beroperasi sejak 2000.

Roslina begitu teruja meningkatkan perniagaan usahanya melalui platform dalam talian dan meneroka kaedah baharu meningkatkan jualan. Namun, beliau kurang pengetahuan dan latihan untuk memulakan usahanya ke tahap lebih tinggi.

Lantas, Roslina mengikuti Program Latihan Penguasaan Pasaran Digital MYNIC dan mempelajari bagaimana membangunkan laman web yang meningkatkan kejuruteraan perniagaan, pelbagai pasaran dan memaksimumkan penjualan.

Hasilnya, beliau berjaya menarik ni-

lat pelanggan ke laman webnya melalui peragoptimuman enjin carian (SEO) dan platform teknik pemasaran dalam talian.

Beberapa bulan kemudian, pendapatan Roslina meningkat 100 peratus daripada RM4,000 sebulan kepada RM10,000 sebulan. Musim perayaan waktu paling sibuk di mana hasil jualan mereka mencapai RM50,000 sebulan, dengan tempahan diterima daripada pelanggan antarabangsa seperti Brunei, Singapura, Mesir dan Australia.

Perkara ini tidak mungkin berlaku jika Roslina tidak mula membangunkan laman web perniagaannya. Melalui kesuntungan diperoleh, Roslina dan suami meningkatkan perniagaan serta dapat memenuhi permintaan pasaran baharu.

Namun, perjalanan perniagaan Roslina tidak semudah diorgka. Ketika mula memulakan perniagaan dalam talian, wanita itu berdepan masalah sambungan internet perlahan dan mengalami kecurangan memuat naik isi kandungan di media sosial.

Kesedaran ini membolehkan kepertiagaan untuk merapatkan jurang digital di kawasan luar bandar Malaysia. Kerajaan menyedari keperluan ini dan memastikan sektor telekomunikasi ter-

masuk internet, dikenali sebagai utiliti awam ketiga di Malaysia, selain komunikasi nirkabel dan elektrik.

Kini, kelajuan internet di Jasin serta beberapa kawasan luar bandar di Malaysia semakin baik dan usaha ini selaras komitmen kerajaan mengubah Malaysia menjadi negara ekonomi digital.

Perkembangan dan kestabilan perniagaan Roslina menunjukkan bahawa memiliki pengetahuan yang baik dan sumber seikhapnya mampu membantu perniagaan berkembang. Inilah sebabnya mengapa kita perlu memastikan bandar kecil tidak terkecuali menerima manfaat daripada kemajuan digital Malaysia.

Melalui tinjauan ke kawasan luar bandar di Malaysia, ramai usahawan seperti Roslina sebenarnya mempunyai semangat dan sangat teruja untuk menjadi antara penggerak dalam peralihan ekonomi digital di Malaysia.

Ini menunjukkan, terdapat keperluan tinggi untuk melabur bagi membolehkan usahawan luar bandar meneroka peluang untuk membawa lebih banyak golongan profesional daripada luar bandar meliputi sektor pertanian, perikanan dan kraf tangan tradisional untuk meroketkan bisnes dalam talian. MYNIC sentiasa komited melatih

usahawan luar bandar seperti Roslina untuk membantu membuka perniagaan dalam talian. Dengan latihan di berikan, mereka akan memperoleh ke mahiran diperlukan untuk menjadi lebih kompetitif bagi memacu transformasi digital di kawasan luar bandar Malaysia.

Melalui itu, usahawan kecil dan sederhana daripada beberapa negeri dilatih untuk mentransformasikan perniagaan ke dalam talian menggunakan laman web dan kaedah yang dapat membantu untuk lebih memahami trend terkini, sekali gus mengingkatkan perniagaan ke dalam dan luar negara.


Mengambil contoh kejayaan Roslina, faktor kemajuan internet dan latihan disediakan tepat pada masanya. Dengan kejayaan ini menarik lebih ramai usahawan luar bandar untuk membawa perniagaan mereka ke dalam talian, sekali gus meningkatkan taraf hidup serta ekonomi ke tahap lebih tinggi.

Inilah sebenarnya yang diinginkan di mana kita mampu menjadikan Malaysia negara ekonomi digital terkemuka di dunia.


Penulis adalah Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC.

Prestasi Keuangan Keseluruhan

Pendapatan
(RM '000)




Keuntungan Sebelum Cukai
(RM '000)




Margin	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Margin	31%	28%	24%	19%	-9%	7%	4%

Keuntungan Selepas Cukai
(RM '000)



Margin	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Margin	22%	20%	16%	12%	-10%	5%	2%

Simpanan Tunai
(RM '000)



.mynic

MYNIC Berhad (735031-H)
Level 3, Tower 2,
Menara Cyber Axis,
Jalan Impact,
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

t +603 8008 2000 w mynic.my
f +603 8008 2020 MYNIC Berhad